



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**29 JUN 2021**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **178 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **69,203 kes**. Empat (4) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Tawau, satu (1) kes di Kudat dan satu (1) kes di Kota Belud. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 219 menjadikan jumlah kumulatif 67,069 orang. Seramai 1,571 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 466 orang di hospital, 988 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 117 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 71 orang dan 16 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tongod berubah dari zon jingga ke zon kuning, daerah Nabawan berubah dari zon merah ke zon jingga manakala daerah Semporna berubah dari zon jingga ke zon merah.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 17 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning lapan (8) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

5

Analisa Kes COVID-19 di Sabah

- Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan 80 kes iaitu daripada 258 kes semalam (28 Jun 2021) kepada 178 kes (29 Jun 2021).

- ii Daripada 178 kes jangkitan baharu hari ini, 102 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 42 kes adalah daripada saringan kluster, 17 kes adalah daripada saringan bergejala, dua (2) kes daripada saringan bersasar dan 15 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 14 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. 10 daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala empat (4) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kota Kinabalu (-39), Kudat (-27), Tawau (-25) dan Keningau (-14).
- iv Walau bagaimanapun, lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan lima (5) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala tiga (3) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Putatan 20 kes (+18), Semporna 19 kes (+12) dan Tuaran 12 kes (+12).
- v Pada hari ini, tujuh (7) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Tongod, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom dan Nabawan.
- vi Ringkasan data keseluruhan pada hari ini ialah tujuh (7) daerah mencatatkan kes pada julat dua (2) angka manakala daerah lain hanya pada julat satu (1) angka, lapan (8) daerah mencatatkan kenaikan kes, (14) daerah mencatatkan penurunan kes, lima (5) daerah kekal sebagaimana catatan hari semalam, tujuh (7) daerah mencatatkan sifar (0) kes, satu (1) daerah (Beluran) Zon Hijau, dan satu (1) kluster baru iaitu Kluster Muhibbah Manggatal enam (6) kes, dua (2) kluster dengan catatan aktif iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu (25 kes) dan Kluster Muhibbah Manggatal enam (6) kes, menjadikan kumulatif Saringan Kluster Baru dan Sedia Ada sebanyak (42) kes.
- vii Dengan jumlah hanya satu (1) daerah Zon Hijau dan jumlah catatan (102) kes daripada Saringan Kontak Rapat sangat signifikan kepada masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

- 6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i **Kluster Muhibbah Manggatal - Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang** melibatkan jangkitan dalam komuniti di Mukim Darat Kota Kinabalu dan turut merekodkan penularan di tiga buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Tuaran serta Penampang. Kes indeks merupakan pemandu lelaki, 49, di salah sebuah badan berkanun di pusat bandaraya yang disahkan positif COVID-19 melalui saringan bergejala di Klinik Kesihatan Manggatal pada 20 Jun 2021. Aktiviti pengesanan kontak serta saringan secara bersasar di lokaliti terbabit yang dijalankan Pasukan Kawalan JKNS kemudiannya mendapati 40 lagi kes positif termasuk enam (6) kes baharu pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes positif bagi kluster ini sebanyak 41 kes. Berdasarkan siasatan awal, penularan jangkitan berkemungkinan merebak dalam komuniti kampung berkenaan. Saringan bersasar dan siasatan lanjut masih giat dijalankan.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,992 unit
- Hospital 706 unit.
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 220 unit.
- Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 39.35%.
- B **PELAN PEMULIHAN NEGARA - SOP FASA 1 NEGERI SABAH (TERTAKLUK KEPADA KELULUSAN KETUA PENGARAH KESIHATAN)**
- 1 Merujuk kepada Kenyataan Media Kerajaan Negeri Sabah bertarikh 28 Jun 2021 berkaitan dengan perlaksanaan Pelan Pemulihan Negara - Fasa 1 bagi Negeri Sabah, Kerajaan Negeri telah pun mengemukakan SOP baharu bagi Sabah kepada Kerajaan Pusat dan masih menunggu perwartaan SOP tersebut.
- 2 Perakuan SOP ini telah diputus sebulat suara oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara anggota Jawatankuasa ini ialah Ketua-ketua Jabatan yang mewakili Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, PDRM dan Majlis Keselamatan Negeri Sabah (MKNS) yang juga telah menyemak perakuan ini.

- 3 YB Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengeluarkan kenyataan akhbar yang berasingan mengenai SOP Sabah secara terperinci.

**C PKPD KAMPUNG BALUNG COCOS, TAWAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Balung Cocos, Tawau.
- 2 Sehingga kini, KKM telah merekodkan sembilan (9) kes setelah 27 orang penduduk menjalani ujian saringan dengan kadar positiviti 33.33%).
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Balung Cocos, Tawau berkuat kuasa 01 Julai sehingga 14 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

**D PENAMATAN PKPD 2 LOKALITI DI PENAMPANG**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Penampang yang dijadualkan tamat pada 29 Jun 2021.  
Kedua-dua lokaliti itu ialah:
- Country Heights Apartment
  - Vista Minintod Apartment
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 274 ujian saringan dan tujuh (7) daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Penampang pada 29 Jun (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

#### E PENAMATAN PKPD PPR TAMAN EHSAN, KUDAT

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Ehsan, Kudat yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.
- 2 Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 311 ujian saringan dan 17 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mendapati terdapat *trend* penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di PPR Taman Ehsan, Kudat pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

#### F PENAMATAN PKPD 2 LOKALITI DI KALABAカン

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kalabakan yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Lokaliti tersebut ialah:

- Kampung Rancangan
- Kampung Kijang Merotai

- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 161 ujian saringan dan 25 daripadanya disahkan positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut.
- 3 KKM juga mendapati terdapat *trend* penurunan kes, kluster terkawal dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Kalabakan pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **G PENAMATAN PKPD 2 LOKALITI DI KOTA KINABALU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti itu ialah:

- Kampung Rampayan
- Kampung Kionsom Kecil

- 2 Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 541 ujian saringan dan 68 daripadanya disahkan positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut.

- 3 KKM juga mendapati terdapat *trend* penurunan kes, kluster terkawal dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **H PENAMATAN PKPD KAMPUNG TAUN GUSI PENINTING, KOTA BELUD**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Taun Gusi Peniting, Kota Belud yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

- 2 Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 107 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.

- 3 KKM mendapati terdapat *trend* penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Taun Gusi Peninting, Kota Belud pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## I PENAMATAN PKPD 2 LOKALITI DI TAWAU

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Tawau yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti itu ialah:

- Kampung Tanjung Batu Tengah
- Taman Semarak Megah

2 KKM telah melakukan 212 ujian saringan dan 38 daripadanya disahkan positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut.

3 KKM juga mendapat terdapat trend penurunan kes, kluster terkawal dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Tawau pada 30 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## J STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat hari ini, **10** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 63,052 orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **290** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 54,903 orang.

3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **3,924** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 317,084 orang.

- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **6,644** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 120,722 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 6,164 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 879,982 (mysejahtera 805,446 : laman web 74,255 : talian vaksinasi 281) bersamaan 30.7%.

## **K BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **229,769** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **L LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 133 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 59,292 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 289 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 71 hebahan melalui kereta peronda dan satu (1) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 72 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Enam (6) orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
  - 14 orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Sembilan (9) orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - 11 orang : Tidak Mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan
  - 32 orang : Tidak Mematuhi Arahan Penjarakan Sosial
- 3 Penguatuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 87 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 20 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952

4

#### Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,400 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan oleh PBT. Satu (1) kompaun dikeluarkan di Kinabatangan atas kesalahan individu tidak memakai pelitup muka dan satu (1) kompaun dikeluarkan di Papar atas kesalahan- kesalahan lain yg diperuntukkan dalam SOP yg dikeluarkan oleh MKN yg tidak disenaraikan di atas-jenis perniagaan yg tidak dibenarkan.
- iii Sebanyak tiga (3) notis/amaran dikeluarkan di Kinabatangan dan dua (2) notis/amaran dikeluarkan iaitu di Sandakan.
- iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 89 premis perniagaan dan 163 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

5

Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 360 Premis Perniagaan melibatkan 187 anggota APM. Sebanyak dua (2) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.

6

Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 70 anggota di 95 lokasi.

7

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis, melibatkan lapan (8) buah daerah pada hari ini.

8

Sejumlah 362 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.

9

Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 64 hebahan di seluruh Sabah.

**M KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **95.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Keningau	96%
2	Beluran	96%
3	Sipitang	96%
4	Kota Kinabalu	95.5%
5	Kunak	95.5%
6	Semporna	95%
7	Ranau	95%
8	Kota Marudu	95%
9	Tenom	95%
10	Kudat	95%
11	Kota Belud	95%
12	Sandakan	95%
13	Tuaran	95%
14	Beaufort	95%
15	Penampang	95%
16	Papar	95%
17	Kinabatangan	95%
18	Lahad Datu	95%
19	Tawau	94.5%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**